PP

lwn.

RUZI MOHAMAD AJLAN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TAIPING
HASSAN AB RAHMAN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-12-09]
25 MAC 2010

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Kesetimpalan - Kanun Keseksaan, s. 394 - Rompakan dengan menggunakan senjata merbahaya - Pengakuan salah - Tertuduh mempunyai rekod jenayah lampau - Hukuman tiga tahun penjara dan empat sebatan rotan - Sama ada tidak memadai*

Di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar, responden telah mengaku salah terhadap pertuduhan melakukan rompakan di rumah kediaman dengan menggunakan senjata di bawah s. 394 Kanun Keseksaan, dan berikutnya telah dijatuhkan hukuman tiga tahun penjara dan empat sebatan rotan. Pendakwa Raya, yang tidak berpuashati dengan hukuman yang dijatuhkan, telah merayu. Di hadapan yang arif Pesuruhjaya Kehakiman, penghujahan antara lain dikemukakan bahawa hukuman yang dijatuhkan adalah telah tidak mengambilkira keseriusan kesalahan dan penggunaan senjata merbahaya gunting dalam melakukan jenayah, bahawa tertuduh mempunyai beberapa rekod kesalahan jenayah lampau dan bahawa kes-kes rompakan adalah amat berleluasa di daerah Kuala Kangsar dan seluruh negara. Dihujahkan juga bahawa hakim bicara khilaf apabila memberikan diskaun yang berlebihan kepada tertuduh akibat dari pengakuan salahnya.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengganti hukuman dengan 10 tahun penjara dan lima sebatan rotan):

(1) Hakim Mahkamah Sesyen memang menyebut mengenai keseriusan kesalahan dan penggunaan senjata merbahaya dalam penghakimannya. Namun ianya hanya menjadi hiasan dalam alasan penghakiman, tanpa disusuli dengan hukuman yang setimpal dengan faktor-faktor yang disebut dalam alasan. (perenggan 12)

(2) Hakim Mahkamah Sesyen telah terlalu menitikberatkan fakta pengakuan salah tertuduh sehingga memberikan diskaun yang terlalu banyak kepada tertuduh atas sebab pengakuan salah tertuduh telah menjimatkan masa semua pihak. Dari alasan penhakimannya, beliau jelas telah gagal menghayati keperluan mengimbangkan antara

kepentingan awam dengan faktor mitigasi tertuduh yang bersifat peribadi. Hakim Mahkamah Sesyen juga telah tidak meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan memandangkan tertuduh mempunyai rekod tujuh kesalahan lampau yang termasuk kesalahan terhadap harta dan pencerobohan jenayah. (perenggan 13-15)

(3) Hukuman tiga tahun penjara dan empat sebatan rotan adalah tidak memadai jika diambilkira hukuman maksima 20 tahun yang ditetapkan oleh badan perundangan bagi kesalahan merompak dengan menggunakan senjata, sementelah senjata yang digunakan adalah senjata merbahaya sehingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan tubuh badan dan memerlukan lapan jahitan kerana ditikam oleh tertuduh. (perenggan 16)

(4) Hukuman yang dijatuhkan wajar diganggu dan digantikan dengan hukuman yang lebih berat. Oleh itu rayuan adalah dibenarkan dan hukuman digantikan dengan hukuman 10 tahun penjara dan lima sebatan rotan. (perenggan 19 & 23)

Kes-kes yang dirujuk:
Muhamad Taufik Kamaluddin v. PP [2007] 8 CLJ 195 HC ***(dirujuk)***
PP v. Govindnan Chinden Nair [1998] 2 CLJ 370 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, s. 12(2)
Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983, s. 6(2)
Penal Code, s. 380, 394, 407, 448

Bagi pihak perayu - Hadir sendiri
Bagi pihak PP - Hamdan Hamzah TPR

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

PENGHAKIMAN

Hassan Ab Rahman PK:

Latar Belakang Rayuan

[1] Pendakwa merayu ke mahkamah ini terhadap hukuman Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar yang menjatuhkan hukuman tiga tahun penjara dari tarikh tangkap dan empat sebatan rotan ke atas responden (tertuduh) yang telah mengaku salah terhadap tuduhan di bawah s. 394 Kanun Keseksaan. Setelah mendengar rayuan saya meningkatkan hukuman dari tiga tahun penjara kepada sepuluh tahun penjara dari tarikh tangkap dan dari empat sebatan kepada lima sebatan.

Pertuduhan

[2] Pertuduhan ke atas Tertuduh adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama seorang lagi yang masih bebas, pada 20.02.09 jam lebih kurang 5.30 pagi hingga 6.15 pagi, di rumah No. 252, Kg. Tersusun Kledang Utama, di dalam Daerah Sg. Siput Utara, di Negeri Perak telah melakukan rompakan ke atas rumah tersebut kepunyaan seorang lelaki Melayu nama Mohd Rosni bin Abu Bakar KPT: 581224-08-5911 yang digunakan sebagai tempat tinggal dan juga tempat menyimpan harta dan telah mendatangkan kecederaan ke atas lelaki tersebut. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 394 Kanun Keseksaan dan dibacakan bersama di bawah seksyen 34 kanun yang sama.

Fakta Kes

[3] Fakta kes yang telah diakui benar oleh tertuduh adalah seperti berikut.

[4] Pada 20 Februari 2009 jam lebih kurang 6.05 pagi, pengadu L/Kpl. Sammugam a/l Ramadas yang sedang bertugas di bilik kawalan IPD Sg Siput menerima panggilan telefon daripada Mohd Rosni bin Abu Bakar (mangsa) mengenai suatu kejadian samun yang sedang berlaku di rumah beliau.

[5] Semasa kejadian, anak beliau iaitu Mohd Fikri Zikri bin Mohd Rosni yang sedang tidur di ruang tengah rumah tersebut terjaga dari tidur kerana terdengar bunyi cermin tingkap dan pintu utama rumah dibuka. Mohd Fikri melihat tertuduh masuk, lalu beliau cuba mengejar tertuduh. Bila tertuduh melihat Mohd Fikri, tertuduh cuba melarikan diri. Mangsa kemudian terjaga dari tidur di bilik utama lalu bergegas keluar dan melihat Mohd Fikri sedang bergelut dengan tertuduh.

[6] Mangsa kemudiannya cuba membantu Mohd Fikri. Semasa mangsa menghampiri Mohd Fikri, tertuduh dengan tiba-tiba menikam mangsa dengan menggunakan sepasang gunting beberapa kali di bahagian bahu sebelah kanan serta peha sebelah kiri.

[7] Abang kepada Mohd Fikri iaitu Mohd Nor Qistan bin Mohd Rosni yang sedang tidur ketika itu terdengar bunyi bising di rumahnya terjaga dari tidur dan datang membantu ayah dan adiknya itu. Ketiga-tiga mereka berjaya menangkap tertuduh setelah berlaku pergelutan dan seterusnya mengikat tertuduh dengan tali. Mangsa mendapat rawatan di Hospital Sg Siput dengan menerima lapan jahitan akibat tikaman dengan gunting oleh tertuduh.

[8] Polis bergegas ke tempat kejadian dan menangkap tertuduh setelah mendapat panggilan daripada mangsa.

[9] Siasatan polis mendapati tertuduh datang ke rumah mangsa dengan seorang lagi suspek yang sedang menunggu dengan motosikal di luar rumah mangsa ketika kejadian. Suspek tersebut masih belum lagi ditangkap.

[10] Gunting serta lampu suluh dan barang-barang yang dicuri oleh tertuduh berjaya ditemui oleh polis.

Isu-Isu Dalam Rayuan

[11] Dari petisyen rayuan isu-isu yang berbangkit ialah seperti berikut:

1. Sama ada Hakim Mahkamah Sesyen dalam menjatuhkan hukuman telah mengambil kira faktor keseriusan kesalahan, penggunaan senjata merbahaya oleh tertuduh semasa melakukan kesalahan yang telah mendatangkan kecederaan kepada mangsa dan kesalahan yang dilakukan secara terancang.

2. Sama ada Hakim Mahkamah Sesyen mengambil judicial notice bahawa kes-kes samun bersenjata berleluasa di daerah Kuala Kangsar dan seluruh negara.

3. Sama ada Hakim Mahkamah Sesyen gagal mengambil kira kecenderungan tertuduh untuk melakukan kesalahan yang lebih serius berdasarkan sabitan lampaunya.

4. Sama ada Hakim Mahkamah Sesyen gagal mengutamakan kepentingan awam berbanding dengan kepentingan peribadi tertuduh yang dibangkitkan dalam rayuan mitigasinya.

5. Sama ada Hakim Mahkamah Sesyen menyedari dan memberi pertimbangan bahawa pengakuan salah bukanlah merupakan hak tertuduh untuk diberikan diskaun dalam penghukuman.

6. Sama ada hukuman Hakim Mahkamah Sesyen memadai untuk memberikan pengajaran kepada tertuduh dan mencegah bakal pesalah dari melakukan kesalahan yang sama, dan

7. Sama ada hukuman tersebut mencukupi dengan mengambil kira hukuman maksima yang telah ditetapkan oleh undang-undang.

Dapatan Mahkamah Tinggi

[12] Mengenai isu 1, 2 dan 3 mahkamah ini mendapati bahawa Hakim Mahkamah Sesyen memang menyebut dalam alasan penghakimannya bahawa beliau telah mengambil kira keseriusan kesalahan

yang dilakukan, penggunaan senjata merbahaya yang telah menyebabkan kecederaan mangsa dan juga kesedarannya tentang keseriusan kes samun bersenjata serta kecenderungan tertuduh dalam melakukan kesalahan yang lebih berat dari rekod kesalahan lampau.

Namun, mahkamah ini mendapati kesedaran tentang perkara tersebut hanya menjadi hiasan dalam alasan penghakiman, tanpa disusuli dengan hukuman yang setimpal dengan faktor-faktor yang disebut dalam alasan.

[13] Mengenai isu 4 dan 5, mahkamah ini mendapati memang seperti yang dikatakan oleh pihak pendakwa, Hakim Mahkamah Sesyen terlalu menitik beratkan fakta pengakuan salah tertuduh sehingga memberikan diskaun yang terlalu banyak kepada tertuduh atas sebab pengakuan salah tertuduh telah menjimatkan masa semua pihak.

[14] Dari alasan penghakimannya, jelas beliau telah gagal menghayati keperluan mengimbangkan antara kepentingan awam dengan faktor mitigasi tertuduh yang bersifat peribadi.

[15] Hakim Mahkamah Sesyen tidak meletakkan faktor kepentingan awam sebagai keutamaan berbanding dengan faktor peribadi tertuduh. Fakta menunjukkan tertuduh mempunyai rekod tujuh kesalahan lampau yang menunjukkan kecenderungan yang konsisten ke arah yang lebih serius dalam kesalahan terhadap harta, dadah dan pencerobohan jenayah iaitu seperti berikut:

- Pada 19 Mac 1997 - kesalahan mencuri dalam bangunan (s. 380 KK) dan dikenakan hukuman dua minggu penjara dari tarikh tangkap 16 Mac 1997 dan denda RM500 i/d 50 hari penjara.
- 6 Oktober 2000 - kesalahan mencuri dalam bangunan (s. 380 KK) - dikenakan hukuman enam bulan penjara dari tarikh tangkap 2 Ogos 2000 i/d 2 bulan penjara.
- 11 Disember 2001 - langgar syarat pengawasan (s. 6(2) APD dikenakan dua tahun pengawasan di Balai Polis Sg Siput (U).
- 3 April 2002 - memiliki dadah (s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya dikenakan hukuman satu tahun penjara dari tarikh tangkap 4 Februari 2001
- 8 Januari 2004 - pecah amanah jenayah oleh seorang pembawa atau penyelenggara gudang (s. 407 Kanun Keseksaan) - 15 bulan penjara dari 11 Oktober 2003 dan satu sebatan.
- 2 Mac 2006 - Curi dalam bangunan (Sek. 380 Kanun Keseksaan) - penjara 12 bulan dari tarikh tangkap 7 Januari 2006 dan denda RM1,000- i/d 3 bulan penjara.

A - 11 Disember 2007 - Melakukan pencerobohan rumah (Sek. 448 Kanun Keseksaan) - penjara 10 bulan dari tarikh tangkap 9 September 2007 dan denda RM2,000 i/d 2 bulan penjara.

[16] Mengenai isu 6 dan 7, saya mendapati hukuman tiga tahun penjara dan empat sebatan rotan tidak memadai jika diambil kira B hukuman maksima 20 tahun yang ditetapkan oleh badan perundangan bagi kesalahan merompak dengan menggunakan senjata. Lagipun fakta memang menunjukkan bahawa senjata merbahaya telah digunakan sehingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan tubuh badan kerana ditikam dengan gunting dan telah menerima lapan jahitan. C Sebelum itu, pergelutan telah berlaku antara tertuduh dengan anak mangsa.

[17] Dalam hal ini, ternyata Hakim Mahkamah Sesyen tidak mengambil kira trend hukuman terhadap pesalah dalam kes-kes samun bersenjata D yang telah dijatuhkan oleh mahkamah dalam tempuh terdekat ini. Contohnya dalam kes *Muhamad Taufik Kamaluddin v. PP* [2007] 8 CLJ 195 (yang faktanya hampir menyamai fakta dalam kes ini), hukuman sepuluh tahun penjara dan lapan sebatan oleh Hakim Mahkamah Sesyen telah dikekalkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi.

E **[18]** Selain itu, Mahkamah ini merasakan Hakim Mahkamah Sesyen dalam mengenakan hukuman tiga tahun penjara dan empat sebatan rotan telah tidak menghayati prinsip bahawa hukuman mahkamah hendaklah mencerminkan kehendak dan harapan orang awam yang menuntut perlindungan dari tindakan kejam penjenayah di samping mengambil kira F kebajikan tertuduh dan tanggungjawab kepada keluarga.

Keputusan

[19] Dengan dapatan di atas, mahkamah ini merasakan bahawa hukuman Hakim Mahkamah Sesyen wajar diganggu dan digantikan G dengan hukuman yang lebih berat, supaya setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan selaras dengan hukuman maksima yang ditetapkan.

[20] Bagi mahkamah ini, kecenderungan tertuduh melakukan kesalahan yang lebih serius yang tergambar dalam rekod kesalahan lampaunya, menuntut mahkamah mempastikan tertuduh seperti ini diasingkan dalam H tempuh yang lama dari masyarakat. Ternyata dari rekod kesalahan lampau, hukuman penjara yang singkat tidak berjaya menginsafkannya dari melakukan kesalahan yang lebih serius.

[21] Masyarakat mengharapkan mereka bebas dari tertuduh seperti ini I dan memerlukan jaminan untuk hidup selesa, aman serta bebas dari kebimbangan terhadap risiko kecederaan dan kehilangan nyawa dan harta benda mereka.

[22] Dalam konteks ini, saya merasakan pandangan Hakim Augustine Paul JC (semasa itu) dalam kes *PP v. Govindnan Chinden Nair* [1998] 2 CLJ 370 patut diambil kira oleh setiap hakim dimana dinyatakan:

> The severity of the offence may outweigh the mitigating effect of a guilty plea ... where public interest demands a deterrent sentence in the circumstances of a particular case then the effect of such a plea must also give way ....

[23] Dengan itu rayuan pendakwa dibenarkan dengan hukuman tiga tahun penjara dari tarikh tangkap ditingkatkan kepada sepuluh tahun dan empat kali sebatan ditambah menjadi lima kali sebatan.